



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA *ROAD TO GOLD* MELULUSKAN RM 6.9 JUTA BAGI PERSEDIAAN ATLET KE OLIMPIK PARIS 2024

1. Kira-kira sebulan selepas pengumuman atlet *Road To Gold* (RTG) dan pembentukan Sekretariat RTG, Sekretariat RTG dengan bantuan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) telah mula memberi perkhidmatan sokongan khusus sains sukan seperti yang dimohon oleh atlet RTG.
2. Sementara itu, permintaan tambahan oleh atlet RTG telah disusun seperti berikut:
 - i. Perjumpaan dengan atlet dan jurulatih masing-masing;
 - ii. Mendapat senarai permintaan daripada atlet dan jurulatih mereka (Setiap permintaan adalah unik dan memerlukan pertimbangan strategik yang melibatkan penilaian bajet dan mendapatkan kos serta sebut harga yang diperlukan); dan
 - iii. Pengesahan permintaan dengan pihak berkaitan seperti MSN dan ISN.
3. Pada mesyuarat jawatankuasa RTG kedua yang diadakan pada hari ini, berikut merupakan isu-isu yang telah dibincangkan dan diputuskan:
 - a. Jawatankuasa telah meluluskan permintaan yang dibuat oleh Dato' Muhammad Azizulhasni Awang dan komited untuk memastikan sokongan berterusan untuk beliau;

- b. Jawatankuasa RTG juga turut meneliti semula kriteria pemilihan atlet ke dalam program RTG di mana kini atlet yang tersenarai dalam pemenang medal Olimpik yang lepas, senarai Top 10 Ranking Dunia dan Road To Paris 2024 akan dipertimbangkan.
- c. Untuk memasukkan pemain badminton Ng Tze Yong, Chen Tang Jie dan Toh Ee Wei seperti yang dicadangkan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM);
- d. Bahawa Lee Zii Jia kekal sebagai sebahagian daripada RTG sehingga jawatankuasa berpeluang bertemu dengan jurulatih baharunya Wong Tat Meng;
- e. Untuk mengekalkan Tan Kian Meng dan Lai Pei Jing sehingga fasa penilaian seterusnya pada September 2023;
- f. Memandangkan pasukan hoki lelaki negara telah tersenarai di dalam senarai ranking ke-10 dunia dan bagi memastikan pasukan hoki lelaki negara memenangi pingat emas di Temasya Sukan Asia Hangzhou dan seterusnya layak ke Olimpik, mesyuarat Jawatankuasa RTG hari ini telah bersetuju untuk memasukan pasukan hoki lelaki kedalam program RTG. Pihak MSN sebelum ini telah menyediakan peruntukan dan sokongan yang lengkap seperti dua (2) orang pakar dari Australia untuk membantu persiapan pasukan, Mini Gimnasium Khas di Stadium Hoki Bukit Jalil, Bantuan pembelian software untuk Analisa Prestasi, Bantuan Kejohanan dan Latihan serta Program Bina Semangat Sepasukan. Pihak ISN juga telah menyediakan perkhidmatan sokongan sains dan perubatan sukan yang mencukupi.
- g. Jawatankuasa meluluskan perbelanjaan sebanyak RM6.9 juta bagi memenuhi permintaan yang dikemukakan oleh atlet untuk Paris 2024. Jumlah ini meliputi perkhidmatan sokongan yang secara langsung meningkatkan prestasi setiap atlet serta menyediakan persekitaran latihan yang lebih kondusif. Ia juga termasuk menyediakan peralatan tambahan untuk latihan dan pemulihan, kos latihan dan pertandingan termasuk perkhidmatan sokongan khusus, kem latihan antarabangsa, pemakanan dan makanan tambahan, akses penuh kepada kemudahan latihan MSN dan ISN, sokongan perubatan dan keperluan teknologi serta meluluskan elaun khas RTG sebanyak RM3,000 sebulan bagi setiap atlet RTG.

- h. Perjanjian Jawatankuasa Atlet akan dimuktamadkan dalam tempoh dua minggu akan datang dan dikongsi dengan pihak berkenaan;
- i. RTG akan menyediakan latihan media kepada setiap atlet untuk meningkatkan jangkauan, pengaruh dan kemahiran komunikasi mereka; dan
- j. RTG sedang mengkaji untuk mendapatkan sokongan korporat sebagai sebahagian daripada strategi komersil dan komunikasi. Buat masa ini tiada pengumpulan dana diadakan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

19 JUN 2023